



NOTIS MAKLUMAN

PERLINDUNGAN KEMALANGAN DIRI BERKELOMPOK

Dimaklumkan bahawa, selaras dengan Ucapan Belanjawan 2020 oleh YB Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan pada 11 Oktober 2019, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) akan menawarkan **Perlindungan Kemalangan Diri Berkelompok (*Group Personal Accident, GPA*) secara automatik dan percuma kepada semua pelanggan pembiayaan perumahan LPPSA yang diluluskan pembiayaan mulai 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020.**

Perlindungan GPA yang ditawarkan adalah sehingga RM100,000.00 bagi tempoh dua (2) tahun dari tarikh kelulusan pembiayaan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan.

Perlindungan Kemalangan Diri ini merupakan perlindungan tambahan ke atas Perlindungan Gadai Janji (MRTA/ MRTT) yang diambil oleh pelanggan ke atas pembiayaan yang telah diluluskan sekiranya berlaku kematian dan keilatan kekal.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui portal aduan/ pertanyaan rasmi LPPSA di www.lppsa.gov.my

25 Oktober 2019